

NO. SOALAN : 434

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK SERI HJ ABDUL HADI AWANG

[MARANG]

Datuk Seri Hj Abdul Hadi Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan bercadang untuk menstruktur semula FGV memandangkan terdapat perniagaan dan pelaburan FGV yang tidak berkaitan dengan perniagaan teras FGV serta tidak mendatangkan keuntungan yang setimpal dengan jumlah pelaburan yang dikeluarkan

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV merupakan syarikat senaraian awam yang ditadbir melalui peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Kerajaan tidak terlibat dengan pengurusan syarikat berkenaan.

Ahli Lembaga Pengarah yang telah dilantik akan memainkan peranan mereka untuk memastikan FGV terus berkembang menjadi antara syarikat perladangan utama dunia dan memastikan proses urus tadbir dilaksanakan dengan baik.

FGV telah melancarkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada awal tahun ini yang fokus kepada peniagaan terasnya iaitu perladangan, mengukuhkan kewangan, mengurangkan kos, meningkatkan tadbir urus korporat yang baik dan menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham. Di bawah pelan ini, FGV akan menilai semula perniagaan-perniagaan bukan terasnya untuk dikaji sama ada perlu ditambah baik atau pun dilupuskan.

Sebarang keputusan perniagaan yang dibuat oleh FGV akan dilaporkan kepada Bursa Malaysia dan laporan berkenaan boleh diakses oleh pemegang saham serta orang awam.

Sekian, terima kasih.